

Myonit Insta Sublingual Tablets USP 0.5mg

Nitroglycerin 0.5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MYONIT INSTA
2. Bagaimana MYONIT INSTA berfungsi
3. Sebelum menggunakan MYONIT INSTA
4. Cara menggunakan MYONIT INSTA
5. Semasa menggunakan MYONIT INSTA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MYONIT INSTA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MYONIT INSTA

Tablet Myonit Insta boleh digunakan untuk:-

- Meningkatkan pengaliran darah ke jantung dengan mengembangkan saluran darah.
- Mencegah sakit dada dan ketidakselesaan yang disebabkan oleh kekejangan otot jantung (angina pectoris) atau kegagalan jantung.

Bagaimana MYONIT INSTA berfungsi

Tablet Myonit Insta mengandungi 0.5mg nitroglycerin.

Ubat ini bertindak dengan otot sekeliling salur darah (arteri dan vena) di jantung. Ianya mengurangkan ketegangan pada jantung dengan memudahkan proses mengepam darah.

Sebelum menggunakan MYONIT INSTA

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil MYONIT INSTA jika:

- Mempunyai alahan terhadap nitroglycerin, nitrat atau sebarang isi kandungan tablet.
- Anda mempunyai anemia, trauma kepala, pendarahan dalam otak, atau glaukoma sudut-tertutup (sejenis penyakit mata).

- Anda mempunyai pembekuan darah dalam saluran darah jantung
- Anda mengambil ubat untuk masalah mati pucuk, seperti sildenafil)
- Jika anda mempunyai Phenylketonuria (gangguan yang menyebabkan fenilalanin terkumpul di dalam badan), jangan gunakan produk ini, kerana ia mengandungi aspartam.

- Sebelum mula menggunakan Myonit Insta

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda;

- Mempunyai alahan terhadap nitroglycerin, nitrat atau sebarang isi kandungan tablet. Reaksi alahan adalah seperti ruam, gatal-gatal, kesukaran untuk bernafas atau bengkak pada muka, bibir, tekak atau lidah.
- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- Ada hipotiroidisme (kekurangan penghasilan hormon tiroid)
- Mempunyai suhu badan yang rendah (hipotermia)
- Pernah mengalami serangan jantung atau masalah jantung lain.
- Tidak disyorkan untuk metabolik yang diwarisi secara genetik (fenilketonuria) kerana bahan aspartam.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor jika anda sedang atau ada mengambil ubat-ubatan lain termasuklah ubat-ubatan yang diambil tanpa perskripsi. Terutamanya:

- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah mati pucuk, sildenafil)
- Ubat yang digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi (Beta-adrenergic blockers or phenothiazines and nitrates).

Cara menggunakan MYONIT INSTA

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil tablet Myonit Insta seperti yang disarankan oleh doktor anda. Jangan telan tablet tersebut.

Dos:

Dewasa: 1 tablet diletakkan di bawah lidah dan biarkan ia meresap perlahan-lahan. Dos ini seharusnya diulangi selepas 5 minit jika gejala-gejala tidak berkurangan. Jika kesakitan berterusan selepas keseluruhan 3 dos dalam 15 minit, anda sepatutnya mendapatkan rawatan dengan segera

Doktor akan mengubah dos mengikut keadaan anda. Jika anda perhatikan tablet tersebut tidak dapat melegakan kesakitan seperti yang sepatutnya, sila hubungi doktor. Jika anda memerlukan lebih tablet dari kebiasaannya, dapatkan nasihat dari doktor untuk apa yang perlu dilakukan.

- Bagaimana diambil

Gunakan tablet Myonit Insta ketika mula mendapat sakit dada. Doktor anda juga mungkin akan menasihatkan anda supaya mengambil Myonit Insta sebelum bersenam atau keadaan yang boleh memberi tekanan agar dapat mengelakkan berlakunya sakit dada.

- Berapa lama perlu digunakan

Selepas mengambil Myonit Insta, anda sepatutnya akan berasa lega dari kesakitan atau ketidakselesaan jantung dalam beberapa minit. Apabila ini berlaku, anda boleh meludah keluar baki tablet yang masih tertinggal di dalam mulut anda untuk mengelakkan kesan sampingan seperti sakit kepala. Berhenti menggunakan ubat ini hanya jika dinasihatkan oleh doktor dan ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Memandangkan Myonit Insta hanya diambil apabila diperlukan, anda tidak perlu mengikut jadual pengambilan dos. Jika anda menggunakan ubat ini secara berkala, gunakan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Jika dos yang seterusnya dalam masa kurang dari 2 jam, jangan ambil dos yang tertinggal dan gunakan ubat tersebut mengikut jadual pemakanan

Myonit Insta Sublingual Tablets USP 0.5mg

Nitroglycerin 0.5mg

seperti biasa. Jangan ambil dos berlebihan untuk menggantikan dos yang telah tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan gejala-gejala seperti Kulit kebiruan, kulit lembap, kolik, koma, kekeliruan, cirit-birit (mungkin berdarah), sukar dan/atau pernafasan perlahan, pening, pengsan, demam, kemerahan pada kulit, sakit kepala berdenyut berterusan, peningkatan tekanan dalam kepala, denyutan nadi tidak seragam, hilang selera makan, muntah atau loya, denyutan jantung yang laju atau luar biasa, lumpuh, penurunan tekanan darah yang cepat, sawan, berpeluh, vertigo, gangguan penglihatan.

Semasa menggunakan MYONIT INSTA

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa bawa tablet Myonit Insta bersama anda. Beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Myonit Insta sebelum memulakan pengambilan ubat yang lain. Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau sedang cuba untuk mengandung. Beritahu doktor jika, walau dengan apa alasan sekalipun, anda tidak mengambil tablet seperti yang disarankan. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil atau menyusukan susu ibu kepada anak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Myonit Insta, atau menukar dos tanpa merujuk doktor anda terlebih dahulu. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun gejala yang dihidapinya sama dengan gejala yang anda hidapi. Jangan ambil Myonit Insta untuk merawat kesakitan lain kecuali disuruh oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan Menggunakan Jentera

Myonit Insta boleh menyebabkan kepeningan. Anda harus memastikan pengguna tidak terjejas sebelum memandu atau menggunakan jentera. Kesan ini bertambah teruk jika anda guna bersama alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat tablet Myonit Insta boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun ia mungkin berbeza bagi setiap individu. Sila beritahu doktor jika anda mengalami kesan-kesan ini atau sebarang kesan yang tidak disenaraikan didalam risalah ini.

- Kemerahan pada muka
- Pening
- Denyutan jantung yang cepat atau tidak normal
- Sakit kepala yang berdenyut-denyut

Kesan sampingan dos tinggi

- Muntah
- Kegelisahan
- Penglihatan yang kabur
- Tekanan darah rendah (hipotensi)
- Sinkope (Pengsan)
- Masalah darah
- Sesat Nafas
- Denyutan jantung yang perlahan atau tidak normal

Kesan sampingan yang jarang

- Sianosis (warna ungu kebiruan pada kulit)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.moh.gov.my (Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Myonit Insta

- Penyimpanan

Jauhkan dari capaian dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C, terlindung daripada cahaya dan kelembapan.

Tablet hendaklah disimpan di dalam bekas asal yang hendaklah ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air kumbahan atau bersama sampah dari rumah. Ikut nasihat ahli farmasi tentang cara yang betul untuk membuang ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Myonit Insta berwarna putih, berbentuk bulat rata yang tidak bersalut dengan serong disisi.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Nitroglycerin USP yang dicairkan bersamaan dengan Nitroglycerin 0.5mg

Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose, Mannitol, Aspartame, Magnesium Stearate dan Sodium Starch Glycolate.

Pengilang

Troikaa Pharmaceutical Ltd.
C-1, Sara Industrial Estate, Selaqui,
Dehradun, 248197, Uttarakhand, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

UNIMED SDN BHD
No. 53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
09/02/2026

Nombor siri:

NPRA(R2/2)211005/763